

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, September 19, 2017 3:19 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Kongsi Wawasan Bersama Pelajar Baharu



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 SEPTEMBER 2017 / 28 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

NAIB CANSELOR KONGSI WAWASAN BERSAMA PELAJAR BAHARU



UUM ONLINE: Seramai 111 pelajar baharuambilan kedua UUM bagi Sesi Pertama 2017/2018 membabitkan 98 pelajar perempuan dan 13 pelajar lelaki dari pelbagai kaum mendaftar di DPP Bank Rakyat dan SME Bank mulai semalam.

Ambilan kedua ini adalah hasil daripada rayuan kemasukan Unit Pusat Universiti (UPU) yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar atau Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melibatkan pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Matrik dan Diploma mengikuti 36 program pengajian Sarjana Muda.

Kedatangan pelajar baharu tersebut ke UUM telah dialu-alukan Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak pada Majlis Ikrar Pelajar Semester Pertama sesi 2017/2018 (Ambilan Kedua) dan Amanat Naib Canselor di Dewan Bukit Kachi, malam tadi.

Dalam ucapan beliau juga berkata, penguasaan ilmu amat penting apatah lagi negara akan berada di era Revolusi Perindustrian 4.0 (4IR), justeru menjadi satu kerugian kepada mereka yang tidak mengejar ilmu.

“Sebab itu, pelajar harus tingkatkan ilmu dengan banyak membaca, aktif, berkawan dengan semua kaum termasuk pelajar antarabangsa, dan bijak memilih rakan yang baik demi manfaat bersama,” katanya.

Menurutnya, semua pelajar UUM harus tekun belajar seawal semester bagi mengekalkan kecemerlangan dan menjadi pelajar kelas pertama, di samping memanfaatkan masa empat tahun di universiti sebaiknya.

“Saya harap anda cemerlang, uruskan diri dan masa dengan baik, sifat ingin tahu, banyakkann membaca sekalipun di luar bidang dengan memahami sedikit sebanyak tentang ekonomi, konflik dunia, sejarah, sains dan perniagaan antarabangsa.

“Informasi dunia sekarang hanya di hujung jari sahaja yang mana kita semua boleh mendapatinya melalui telefon bimbit dan ‘google’ maklumat diperlukan, tetapi jangan sampai ‘cut and paste’ sahaja. Saya galakkan pelajar untuk membaca buku yang lengkap dalam semua aspek berbanding ‘google’,” ulasnya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising

from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.